

Peluang kedua bawa kejayaan

TAHUN ini, menyaksikan 840 graduan berjaya menamatkan program latihan masing-masing. Daripada jumlah tersebut, 406 graduan adalah lulusan Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) diikuti Institut Pertanian Semenanjung Malaysia (398 orang) dan Institut Latihan Veterinar Malaysia (36 orang). Walaupun mereka bermula daripada bawah tetapi peluang kedua yang diraih itu telah membuahakan kejayaan membanggakan. *Utusan Malaysia* berkongsi pandangan dan kejayaan dengan empat pelajar terbaik yang ditemui selepas Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-2 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

● Pegawai perlu berinformasi

Penerima Anugerah Khas Pingat Emas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Mohd. Shariff Salim, 30, menyifatkan pegawai di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani perlu memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran supaya maklumat tepat dapat disalurkan kepada golongan petani dan penternak.

Bertitik tolak daripada itu, pembantu veterinar di

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu ini memilih untuk mengikuti kursus peringkat sijil di Institut Veterinar Malaysia, Kluang, Johor, selama dua tahun.

“Bukan mudah untuk berdepan dengan penternak kerana kadangkala mereka jauh lebih ke hadapan daripada kita.

“Jadi, untuk memastikan sektor ini lebih berdaya saing, para pegawai di jabatan atau agensi terbabit perlu memiliki pengetahuan yang tinggi



dalam bidang masing-masing," katanya.

Menurut Mohd. Shariff, sektor penternakan negara bakal berdepan cabaran besar sekiranya golongan muda tidak mempunyai minat untuk menceburi bidang tersebut.

● Nor Azimah mahu sambung PhD

Tidak kisah bermula daripada bawah, Nor Azimah Jaafar, 20, sentiasa optimis bahawa peluang yang diraihnya di Institut Pertanian Ayer Hitam



(IPAH), Johor, mampu merealisasikan cita-citanya melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (PhD) suatu hari nanti.

"Walaupun orang mengatakan bidang kemahiran adalah pilihan kedua dan (lebih sesuai) untuk pelajar yang pencapaian akademiknya tidak memuaskan, saya pula melihat ia adalah satu peluang terbaik untuk melangkah lebih jauh lagi," ujar Nor Azimah yang berasal dari Pulau Pinang ini.

Pada masa sama, pelajar Diploma Pertanian di Universiti Putra Malaysia (UPM) kampus Bintulu, Sarawak ini turut berazam untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan tani.

Bagi penerima Khas Ketua Pengarah Pertanian ini, setiap bidang pasti mempunyai cabaran tersendiri tetapi ia bergantung kepada individu tersebut untuk mengatasinya.

● Ceburi ternakan lebah

"Saya tahu bidang yang

saya pilih ini agak berisiko kerana tidak ramai yang menceburinya tetapi saya tetap yakin ia mampu memberi pulangan lumayan suatu hari nanti," ujar Mohd. Suhaimi Yusuf, 26.

Malah, lepasan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1,2 dan 3 (Tanam) dari Kolej Pertanian Malaysia ini berpendapat, ternakan lebah mempunyai potensi untuk diperluaskan.

Pelajar terbaik yang menerima Anugerah Pengarah NATC ini juga



bijak merencana strategi perniagaan dengan melaksanakan kaedah situasi menang-menang melibatkan kerjasama daripada segi pemasaran dan penternakan lebah.

Walaupun bisnes yang dilakukannya pada skala kecil, tetapi mampu memberi pulangan pendapatan bersih sekitar RM3,000 hingga RM5,000.

“Insyallah jika tiada aral melintang, saya akan mengusahakan sendiri ladang ternakan lebah bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat,” katanya.



● Ibu jadi sumber inspirasi

Menjadikan ibunya sebagai sumber inspirasi, Zafirah Mohd. Yusoff, 26, tidak pernah berputus asa sebaliknya sentiasa berusaha untuk memastikan impiannya membina perniagaan sendiri tercapai.

“Ibu saya, Shamsiah Taib, 68, seorang ibu tunggal tetapi beliau tidak pernah menjadikan kekurangannya sebagai alasan untuk membesarkan kami adik-beradik dengan yang sem-

purna. Malah, dia sentiasa memberi saya dorongan untuk berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi,” katanya.

Buat masa ini, penerima Anugerah Khas Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini menjalankan perniagaan tudung secara *online* dan jualan borong menerusi syarikat Hayati House of Hijab Enterprise yang dijalankan secara usaha sama.

“Hari ini golongan belia amat beruntung kerana kerajaan menyediakan banyak peluang untuk mereka terlibat dengan bidang keusahawanan,” ujar lulusan Diploma Kemahiran Malaysia (Pemasaran) Tahap 4 dari Kolej Pertanian Malaysia.